

# MAJLIS PENUTUP KURSUS ASAS PENIUP TETUANG SIRI 9/18



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3393-majlis-penutup-kursus-asas-peniup-tetuang-siri-9-18](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3393-majlis-penutup-kursus-asas-peniup-tetuang-siri-9-18)

KUALA LUMPUR, 23 Apr 18 – Seramai 19 anggota dari ketukangan Pembantu Tadbir dan Pembantu Tahan (PROVOS) telah berjaya menamatkan Kursus Asas Peniup Tetuang Siri 9/18 yang bermula pada 5 Mac hingga 27 Apr 18.

Sepanjang kursus berlangsung, penuntut diajar secara teori dan praktikal muzik dalam asas tiupan Trumpet selama 8 minggu. Penuntut juga telah didedahkan dengan tiupan lagu Hormat Panglima dan Hormat Pegawai Memerintah.

LU Muhammad Zulkarnain bin Latif telah dipilih sebagai Penuntut Keseluruhan Terbaik setelah dinilai dari pencapaian, ketrampilan dan semangat berkumpulan serta dedikasi yang ditunjukkan. Manakala bagi kategori Akademik Terbaik disandang oleh LU Muhammad Razman bin Jemilah. Kedua dua penuntut adalah dari Pangkalan Udara Labuan.

Majlis penyampaian sijil dan upacara penutupan kursus telah dirasmikan oleh Komander Pangkalan Udara Kuala Lumpur, Kol Mohamad Noh bin Daim TUDM.

